

CHIOU HO-SHUN TAIWAN



© Radio Taiwan International

DITAHAN SELAMA LEBIH DARI 23 TAHUN, Chiou Ho-shun telah menjadi tertuduh jenayah yang paling lama ditahan di dalam sebuah kes perbicaraan jenayah yang paling panjang. Kes itu telah digambarkan sebagai “titik hitam dalam perundangan negara [sejarah]” oleh peguamnya.

Chiou Ho-shun dan 10 tertuduh lain berkata mereka telah diseksa untuk membuat pengakuan dan dinafikan hak untuk berkomunikasi dengan sesiapa pun selama empat bulan pertama penahanan. Mereka juga telah dinafikan khidmat peguambela semasa disoalsiasat dan penyiasatan.

Chiou Ho-shun dan tertuduh lain kemudiannya menarik balik pengakuan mereka. Mereka dibicarakan pertama kali oleh Mahkamah Daerah dalam hubungan dengan dua jenayah berasingan yang berlaku pada tahun 1987: penculikan dan pembunuhan Lu Cheng, budak lelaki berusia sembilan tahun, dan pembunuhan Ko Hung Yu-lan.

Mahkamah Tinggi mengenal pasti yang kekerasan dan ancaman telah digunakan ketika disoalsiasat pihak polis. Mahkamah juga tidak menolak pengakuan penuh daripada bukti, kecuali bahagian di mana pita rakaman soal-siasat yang merakamkan penderaan terhadap tertuduh boleh didengar jelas. Pengakuan juga mengandungi percanggahan dan kepincangan setara atas beberapa fakta.

Chiou Ho-shun dijatuhkan hukuman mati kerana merompak, menculik dan membunuh pada tahun 1989. Hanya beliau seorang yang dihukum mati.

Kes Chiou Ho-shun melantun diantara Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung untuk 11 kali perbicaraan ulang. Semua kes hukuman mati di Taiwan mesti diputuskan oleh Mahkamah Agung, yang boleh memilih kes yang diragui untuk dirujuk oleh Mahkamah Tinggi untuk perbicaraan semula di mana bukti terbaru boleh diserahkan oleh tertuduh (tiada batasan berapa kali ia boleh dilakukan).

Pada tahun 1994, dua pendakwaraya awam dan 10 anggota polis yang menangani kes Lu Cheng disabit kesalahan kerana mendapatkan pengakuan melalui seksaan. Pihak polis juga mengaku bahawa dalam tahun 2003 mereka telah berbohong dan gagal menyiasat pengakuan seorang tahanan hukuman mati yang telah mengaku dia membunuh sebelum beliau dijatuhkan hukuman.

Selepas Chiou Ho-shun dan orang tertuduh lain di sabit sekali lagi pada perbicaraan semula kali ke-10 di Mahkamah Tinggi pada tahun 2009, sekali lagi Mahkamah Agung memerintahkan yang kes tersebut diragui, antara sebab lain, menyatakan bahawa hukuman bersalah dibuat berlandaskan pengakuan paksa.

Mahkamah menghantar semula kes itu ke Mahkamah Tinggi untuk perbicaraan semula untuk kali ke 11. Tetapi sekali lagi pada bulan Mei 2011, Mahkamah Tinggi menetapkan hukuman mati terhadap Chiou Ho-Shun. Selepas keputusan itu dibuat, Chiou Ho-shun berkata kepada mahkamah “Saya tidak pernah membunuh sesiapa pun. Kenapa juri hakim tidak mempunyai keberanian untuk mendapati saya tidak bersalah.” Pada 28 Julai 2011, Chiou Ho-shun gagal rayuan terakhirnya kepada Mahkamah Agung dan pada 25 Ogos 2011, pihak pendakwaraya menolak permohonan mendapatkan rayuan luar biasa untuk perbicaraan semula. Chiou Ho-shun boleh dijatuh hukuman bila-bila masa sahaja.

“Saya tidak pernah membunuh sesiapa pun. Kenapa juri hakim tidak mempunyai keberanian untuk mendapati saya tidak bersalah.”

Chiou Ho-shun

PENYEKSAAN DAN
PENDERAAN-
PENDERAAN LAIN

TIADA PROSEDUR
PENGAMPUNAN

Walaupun **TAIWAN** bukan anggota PBB, kerajaannya sudah mengesahkan Perjanjian Antarabangsa PBB untuk Hak Sivill dan Politik pada tahun 2009, meluluskan rang undang-undang dengan memasukkan ketetapan itu kedalam undang-undang tempatan, polisi dan amalan. Penyemakan Kaedah Kanun Jenayah dalam tahun 2003 memperuntukkan bahawa pengakuan tidak boleh digunakan sebagai bukti tunggal kesalahan. Kanun juga melarang mahkamah menggunakan bukti yang diterima melalui penyeksaan. Namun, seperti yang ditunjukkan dalam kes ini, bukti tersebut ini masih digunapakai. Hak mendapatkan pengampunan dan diringankan hukuman ada dilunaskan di dalam Akta Pengampunan, tetapi tiada prosedur untuk melaksanakannya. Terdapat tahanan telah dijatuhkan hukuman sementara menunggu keputusan pengampunan. Pada April 2010, Taiwan telah melaksanakan hukuman mati ke atas empat orang tahanan tanpa memberitahu peguam atau keluarga, mengakhiri moratorium tidak rasmi sejak tahun 2005. Sejak 2000, kerajaan telah berulang kali menyatakan hasrat untuk memansuhkan hukuman mati.

BERTINDAK SEKARANG


Merayu Menteri Kehakiman untuk:

- ★ Hentikan hukuman terhadap Chiou Ho-shun dengan apa sahaja cara perundangan atau cara lain yang ada.
- ★ Menyiasat laporan penyeksaan dan penderaan lain dan memastikan semua kenyataan hasil dari pemaksaan diketepikan dari semua perbicaraan semula.
- ★ Memastikan Chiou Ho-shun di bicara ulang dengan prosiding yang mengikut standard antarabangsa perbicaraan adil.
- ★ Menggantung semua hukuman dan penggunaan hukuman mati sebagai langkah pemansuhan menyeluruh hukuman mati.
- ★ Mengkaji undang-undang dan mengubah dasar dan amalan untuk memastikan perbicaraan adil sejajar dengan standard antarabangsa
- ★ Memastikan mereka yang dijatuhkan hukuman mati mempunyai peluang yang paling berkesan untuk menggunakan hak mereka bagi mendapatkan pengampunan atau diringankan hukuman sejajar dengan standard antarabangsa.

Menulis kepada:

Minister of Justice
Ministry of Justice
No. 130, Sec. 1, Chongqing S. Rd.
Zhongzheng Dist.
Taipei City 100, Taiwan
Emel: tyftp@mail.moj.gov.tw

DEVENDER PAL SINGH INDIA



© Amnesty International

DEVENDER PAL SINGH (juga dikenali sebagai Davinder Pal Singh Bhullar) telah ditangkap pihak polis di lapangan terbang antarabangsa New Delhi pada bulan Januari 1995 kerana memiliki dokumen perjalanan palsu.

Pihak polis menyatakan bahawa selepas penangkapan beliau di lapangan terbang New Delhi, Devender Pal Singh mengaku terlibat dalam serangan bom tahun 1993 di New Delhi yang mengakibatkan sembilan orang terbunuh – kenyataan dibuat sejurus selepas penahanan pertama dan tanpa diberikan hak untuk mendapatkan khidmat peguam.

Devender Pal Singh kemudiannya menarik balik pengakuan, menyatakan bahawa beliau telah 'diperlakukan secara fizikal, diugut akan dihapuskan [penghukuman diluar-batas hukum] dan dipaksa menandatangani beberapa kertas kosong'. Beliau memfailkan petisyen kepada Mahkamah Agung yang merujuk kepada "paksaaan dan penyeksaan" dalam mendapatkan pengakuan.

Di dalam kenyataannya kepada Mahkamah Agung, Devender Pal Singh berkata ketika dalam perjalanan ke mahkamah majistret untuk perbicaraan, "dia diberitahu jika dia membuat sebarang kenyataan kepada Mahkamah [tentang diseksa], dia akan diserahkan kepada Polis Punjabi yang akan membunuhnya sebagai pembalasan."

Devender Pal Singh dijatuhkan hukuman di bawah Akta Teroris dan Aktiviti Mengganggu Ketenteraman Awam (Pencegahan), sebuah undang-undang yang diluluskan pada tahun 1995 selepas mendapat kritikan hebat dari organisasi hak asasi manusia dalam dan luar negara kerana ia telah menyalahgunakan penangkapan secara rambang, menahan dan menyeksa ribuan orang. Meskipun ianya diluluskan, pendakwaan di bawah Akta terus berjalan terhadap mereka yang didakwa atas kesalahan terorisme, yang berlaku sebelum tahun 1995.

Satu-satunya bukti yang ada ke atas Devender Pal Singh adalah pengakuan yang telah ditarik balik. Di bawah undang-undang lazim India, pengakuan hanya diterima sebagai bukti jika ianya dibuat di hadapan majistret kehakiman; pengakuan yang dibuat kepada pihak polis tidak boleh diterima. Walaubagaimanapun, Akta Teroris membolehkan pengakuan kepada pihak polis diterima ketika perbicaraan.

Devender Pal Singh dihadapkan ke majistret yang sepatutnya menyemak samada pengakuan beliau dibuat secara rela hati. Walaubagaimanapun, majistret hanya menanyakan satu soalan – samada kenyataan dirakamkan pada hari tersebut. Majistret langsung tidak melihat kenyataan itu, dan membenarkan pegawai polis hadir sewaktu pendengaran kes.

Pada bulan Ogos 2001, mahkamah khas Akta Terorisme mensabitkan Devender Pal Singh atas dakwaan tindakan teroris mengakibatkan kematian, berkonspirasi untuk membunuh dan beberapa kesalahan lain dan menjatuhkan hukuman mati terhadapnya. Kebiasaannya, kesemua hukuman mati yang diluluskan oleh mahkamah perbicaraan diulang semak secara automatik oleh Mahkamah Tinggi, dengan kemungkinan rayuan

“Ianya adalah untuk pihak tertuduh menunjukkan dan meyakinkan mahkamah yang kenyataan pengakuan tidak dilakukan secara sukarela.”

Jawapan Mahkamah Agung kepada Devender Pal Singh atas dakwaan penyeksaan, Mac 2002

PENYEKSAAN DAN
PENDERAAN LAIN

MAHKAMAH KHAS

kepada Mahkamah Agung, namun di bawah Akta Terorisme, rayuan hanya dibolehkan kepada Mahkamah Agung.

Sabit hukuman dan hukuman mati telah diputuskan oleh Mahkamah Agung pada bulan Mac 2002. Walaubagaimanapun, seorang dari tiga hakim mendapati Devender Pal Singh tidak bersalah, merumuskan bahawa tidak ada bukti menyabit beliau dan pengakuan yang diragui tidak boleh menjadi asas hukuman mati.

Pada bulan Disember 2002, ulang-semak petisyen telah diketepikan oleh juri hakim Mahkamah Agung yang sama, majoriti 2 kepada 1. Petisyen pengampunan kepada Presiden India telah ditolak pada bulan Mei 2011 tetapi pada 23 Ogos 2011, Mahkamah Agung membenarkan petisyen untuk diringkankan hukuman kerana kelewatan Presiden untuk menolak rayuan.

Perlembagaan **INDIA** melindungi hak untuk hidup. Walaubagaimanapun, ada beberapa kesalahan yang masih disabit hukuman mati, termasuk membunuh dan berkonspirasi untuk membunuh, beberapa kesalahan dadah dan kesalahan di bawah rang undang-undang anti-terorisme. Mahkamah India terus menjatuhkan hukuman mati dan sekurang-kurangnya 345 orang dikatakan sedang menjalani hukuman mati sehingga hujung tahun 2008. Pelaksanaan hukuman terakhir berlaku pada tahun 2004 selepas tempoh tujuh tahun. Ti ada seorang pun yang dijatuhkan hukuman terhadap "kesalahan di bawah rang undang-undang anti-terorisme" sejak 1992 tetapi lapan orang, termasuk Devender Pal Singh, tetap berisiko akan dijatuhkan hukuman selepas disabitkan di bawah undang-undang tersebut.

BERTINDAK SEKARANG

Merayu Perdana Menteri untuk:

- ★ Hentikan pelaksanaan hukuman Devender Pal Singh melalui apa cara.
- ★ Memastikan Devender Pal Singh diulang-bicara mengikut standard antarabangsa perbicaraan adil.
- ★ Menyoalsiasat aduan beliau tentang penyeksaan dan penderaan lain dan memastikan kesemua kenyataan hasil paksaan dikecualikan dari perbicaraan semula.
- ★ Menggantung kesemua hukuman dan penggunaan hukuman mati sebagai langkah pemansuhan menyeluruh hukuman mati.
- ★ Menggubal undang-undang, mengubah polisi dan amalan untuk memastikan perbicaraan adil sejajar dengan standard antarabangsa.

Menulis kepada:

Prime Minister
Dr. Manmohan Singh
South Block, Raisina Hill
New Delhi 110 001
Fax: +9111 2301 9545
Emel: (via form)
<http://pmindia.nic.in/feedback.htm>

YONG VUI KONG SINGAPURA



© Save Vui Kong Campaign

YONG VUI KONG warga Malaysia telah ditangkap di Singapura pada tahun 2007, pada umur 19 tahun, kerana memiliki 47 gm dadah heroin. Yong meninggalkan persekolahan pada peringkat awal usia dengan memilih “jenayah kecil” sebagai cara menyara hidup.

Di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah Singapura, sesiapa yang ditangkap memiliki lebih daripada 15 gm heroin akan dianggap bersalah kerana mengedar dadah, di mana hukuman mati ialah mandatori. Oleh kerana Yong tidak mampu menolak andaian ini, Mahkamah Tinggi telah menyabit beliau pada tahun 2008 dan menjatuhkan hukuman mati terhadapnya. Mahkamah tiada budibicara untuk menimbang alasan lain atau menjatuhkan hukuman yang lebih ringan.

Peguambela telah menfailkan rayuan terhadap hukuman tetapi Yong sendiri menolaknya pada bulan April 2009, sambil menyatakan yang beliau telah menghayati ajaran Buddha dan mahu mengakui jenayah yang telah dilakukan. Yong kemudiannya telah membuat satu petisyen kepada Presiden Singapura untuk pengampunan atas dasar usia mudanya namun ditolak pada bulan November 2009.

Peguambela Yong, M. Ravi telah membuat rayuan terhadap penghukuman Yong dengan mencabar keperlembagaan hukuman mati mandatori untuk pengedaran dadah dan mendapatkan semakan semula bagi proses pengampunan. Namun begitu, pada bulan Mei 2010, Mahkamah Rayuan menolak pencabaran keperlembagaan hukuman mati mandatori untuk pengedaran dadah. Ini merupakan kali ketiga ianya ditolak sejak tahun 1980.

Mahkamah menyatakan bahawa hak untuk hidup di dalam Perlembagaan Singapura tidak dimaksudkan larangan ke atas hukuman tidak berperikemanusiaan, dan sebagai sambungannya, hukuman mati mandatori. Ia juga menolak ketetapan undang-undang antarabangsa yang melarang hukuman mati mandatori sebagai hukuman tidak berperikemanusiaan atau melanggar hak untuk hidup.

Permohonan M. Ravi untuk semakan semula bagi proses pengampunan menegaskan bahawa kuasa memberikan pengampunan telah dicemari prejudis (syak wasangka) oleh kenyataan tentang kes itu oleh Menteri Undang-Undang, maka itu, ia telah memperlekehkan prinsip prosedur yang adil. Ini telah diketepikan oleh Mahkamah Tinggi pada bulan Ogos 2010. Mahkamah Rayuan turut mengeneipkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada bulan April 2011, memperbolehkan penghukuman ke atas Yong dilaksanakan.

Presiden hanya boleh member pengampunan selepas dinasihati Kabinet, maka beliau mempunyai budibicara yang sedikit memberikan pengampunan. Menurut laporan, pengampunan ke atas pelaksanaan hukuman mati telah hanya diberi sebanyak enam kali sahaja sejak Kemerdekaan pada tahun 1965.

“Bila kita bercakap mengenai hukuman mati mandatori ia bermakna juri hakim tidak mempunyai budi-bicara. Tutuplah matamu... dan jatuhkan hukuman. Jangan melihat latarbelakang seseorang dan kesemua itu.”

M. Ravi, peguambela untuk Yong Vui Kong

**HUKUMAN MATI
MANDATORI**

**PENAFIAN HAK DANGGAP
TIDAK BERSALAH**

SINGAPURA telah lama dikenali sebagai mempunyai kadar penghukuman per kapita tertinggi di dunia, tetapi, jumlah hukuman yang dilaksanakan telah menurun dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Menurut perangkaan kerajaan, tiga orang telah dijatuhkan hukuman pada tahun 2007, enam orang pada tahun 2008, lima orang pada tahun 2009 dan tiada sebarang hukuman pada tahun 2010. Sekurang-kurangnya 12 jenis kesalahan yang boleh disabitkan hukuman mati dan hukuman mati ini bersifat mandatori seperti dalam kes pembunuhan, hasutan, kesalahan penggunaan senjata berat dan pengedaran dadah. Singapura bukan anggota kepada Perjanjian Antarabangsa PBB untuk Hak Sivik dan Politik, tetapi ia berkewajipan di dalam undang-undang lazim antarabangsa untuk menghormati hak untuk hidup dan mengikuti larangan mutlak terhadap penyeksaan dan penderaan-penderaan lain.

BERTINDAK SEKARANG


Merayu Presiden untuk:

- ★ Hentikan penghukuman terhadap Yong Vui Kong dengan apa sahaja cara kehakiman lain atau cara lain yang ada.
- ★ Menggantung kesemua hukuman dan penggunaan hukuman mati sebagai langkah pemansuhan menyeluruh hukuman mati.
- ★ Menggubal undang-undang dan mengubah polisi dan amalan dalam memastikan perbicaraan adil sejajar dengan standard antarabangsa, terutama undang-undang yang menukar angapan tidak bersalah.
- ★ Memansuhkan hukuman mati mandatori.
- ★ Mengesahkan Perjanjian Antarabangsa PBB untuk Hak Sivik dan Politik.

Menulis kepada:

The President
Office of the President
Orchard Road, Istana
Singapore 0922
Emel: s_r_nathan@istana.gov.sg

REZA MOHAMMED SHAH BIN AHMAD SHAH MALAYSIA



© Amnesty International

REZA MOHAMMED SHAH BIN AHMAD SHAH (Reza Shah), berusia 19 tahun, ditahan oleh pihak polis pada satu 14 Ogos 2000 di sebuah kawasan setinggan di luar Kuala Lumpur. Pihak polis berkata, beliau dilihat membawa sebuah karung plastik yang mana telah dibuang ketika beliau dipanggil polis.

Pihak polis menjumpai karung plastik itu dan menyatakan ianya mengandungi 800 gm ganja. Reza Shah menafikan sebarang pengetahuan tentang kandungan karung itu dan mengatakan kepada mahkamah yang pihak polis telah memukulnya untuk memaksa beliau menunjukkan lokasi karung plastik itu.

Selepas ditahan, Reza Shah dibawa ke Ibu Pejabat Polis daerah Brickfields, sebuah balai polis yang menjadi buah mulut ramai tentang dakwaan penyeksaan dan penderaan lain, dan di dalam beberapa kes, ia telah mengakibatkan kematian di dalam tahanan.

Reza Shah telah ditahan selama dua tahun sementara menunggu perbicaraan dan akhirnya dibicarakan pada bulan Ogos 2002. Beliau didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur atas sebab memiliki 795.3 gm ganja di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

Akta itu menyebutkan seseorang yang ditemui memiliki sebarang jenis dadah berbahaya "akan, sehingga dibuktikan sebaliknya, dianggap sebagai memiliki" dadah tersebut. Ia juga menegaskan bahawa seseorang itu tahu akan sifat dadah itu, melainkan ia dibuktikan sebaliknya. Dan ia turut menganggap bahawa seseorang yang ditemui memiliki dadah berbahaya turut bersalah mengedar dadah itu dan hukumannya ialah hukuman mati mandatori.

Undang-undang mengubah hak tertuduh untuk dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah. Di dalam beberapa kes, para hakim telah menjatuhkan hukuman mati mandatori terhadap pengedaran dadah, menjelaskan bahawa keputusan mereka berasaskan kepada penolakan anggapan tidak bersalah di dalam undang-undang, berbanding dengan alasan penghukuman membuktikan bersalah melangkaui keraguan bersebab.

Di dalam kes Reza Shah, perbicaraan mahkamah mendapati bahawa beliau memiliki dadah dalam kuantiti yang disebutkan, undang-undang tidak mempunyai apa-apa pilihan selain menyerahkan kepada mahkamah untuk menghukumnya kerana mengedar dan seterusnya menjatuhkan hukuman mati mandatori terhadapnya.

Pada tahun 2006, Mahkamah Rayuan Putrajaya menukar pensabitan hukuman mahkamah perbicaraan. Ia menyatakan yang pendakwagagal membuktikan yang Reza Shah mengetahui kandungan di dalam karung itu. Reza Shah dijatuhkan hukuman penjara 18 tahun and 10 sebatan kerana memiliki dadah bukan kerana mengedar.

Pada bulan Januari 2009, Mahkamah Persekutuan menukar keputusan Mahkamah

“Masanya telah tiba untuk Malaysia memansuhkan hukuman mati...Tiada satupun sistem kehakiman yang sempurna. Bila nyawa seseorang itu diambil, beberapa tahun kemudian kita mendapati orang lain yang melakukan jenayah itu. Apakah yang boleh kita lakukan?”

Nazri Abdul Aziz, Menteri Undang-undang Malaysia, dilaporkan di dalam, 'The Online Citizen', 31 Ogos 2010

**HUKUMAN MATI
MANDATORI**

**DINAFIKAN HAK DIANGGAP
TIDAK BERSALAH**

Rayuan atas sebab rayuan pihak pendakwaraya, memutuskan yang Reza Shah telah gagal membuktikan yang beliau tidak bersalah kerana mengedar dadah. Ia mengembalikan semula hukuman mati.

Reza Shah telah mencuba segala cubaan untuk rayuan. Beliau juga telah merayu kepada Yang diPertuan Agung untuk diringankan hukuman. Sehingga kini, keputusan masih ditunggu.

Pada bulan April 2011, Menteri Dalam Negeri **MALAYSIA** telah mengumumkan bahawa 441 orang telah dihukum mati sejak 1960 dan seramai 696 tahanan menjalani hukuman mati pada bulan Februari 2011. Majoriti mereka yang dijatuhkan hukuman mati telah disabitkan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa kepada hukuman mati mandatori. Kes membunuh juga turut dijatuhkan hukuman mati mandatori. Pada tahun 2009, Malaysia menyatakan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ia sedang menimbang untuk mengurangkan hukuman maksimum bagi pengedaran dadah kepada hukuman penjara seumur hidup. Malaysia masih belum mengesahkan Perjanjian Antarabangsa PBB untuk Hak Sivil dan Politik dan juga Konvensyen PBB menentang Penyeksaan, tetapi dimestikan di bawah undang-undang lazim antarabangsa yang melarang keupayaan melucutkan nyawa seseorang secara rambang dan penyeksaan dan penderaan lain.

BERTINDAK SEKARANG

Merayu kepada Yang diPertuan Agung untuk:

- ★ Menghentikan hukuman terhadap Reza Shah dengan apa sahaja cara perundangan atau cara lain.
- ★ Menggantung kesemua hukuman dan penggunaan hukuman mati sebagai langkah pemansuhan menyeluruh hukuman mati.
- ★ Menggubal undang-undang dan mengubah polisi dan amalan dalam memastikan perbicaraan adil sejajar dengan standard antarabangsa, terutama undang-undang yang menarik anggapan tidak bersalah.
- ★ Memansuhkan hukuman mati mandatori.
- ★ Mengesahkan Perjanjian Antarabangsa PBB untuk Hak Sivil dan Politik.

Menulis kepada:

Yang diPertuan Agung
Istana Negara
50500 Kuala Lumpur
Malaysia
Emel: via Foreign Minister Datuk Seri
Anifah Aman (anifah@kln.gov.my)

LENG GUOQUAN CHINA



LENG GUOQUAN, peniaga makanan laut, telah dijatuhkan hukuman mati pada 16 Disember 2009 oleh Mahkamah Pengantaraan Rakyat Kota Dandong di daerah Liaoning. Beliau didakwa menjadi ketua kepada satu kumpulan jenayah berkaitan penyeludupan dan pengedaran dadah. Pensabitan terhadapnya tidak mengikuti kaedah perbicaraan adil, dan hanya berasaskan pengakuan beliau dan keterangan daripada para saksi yang telah menarik balik kenyataan mereka atau berkata yang mereka telah diseksa untuk keterangan yang telah mensabitkan tertuduh.

Leng Guoquan sentiasa menafikan dakwaan terhadapnya dan berkata beliau membuat pengakuan kerana telah diseksa. Ditahan pada 19 Januari 2009, Leng Guoquan berkata, beliau telah diseksa selama tiga hari dan tiga malam ketika sedang disoalsiasat oleh unit khas polis. Tiga pegawai polis mengikat tangannya dibelakang, memaksa kepalanya diantara kedua belah kaki dan menumbuknya. Selepas itu, mereka menyalakan salah satu hujung tiub kertas gulung dan memasukkan ke dalam lubang hidung, menutupi mulutnya sehingga memaksa dirinya untuk bernafas di dalam api. Sejak Januari 2009, Leng Guoquan telah disoalsiasat dan diseksa sebanyak empat kali.

Leng Guoquan telah ditahan di Pusat Tahanan Negeri Fengcheng sejak 2009. Beliau pertama kalinya didaftarkan dengan nama palsu (Chen Dong), sebagai cara untuk mengelakkan peguambela dan keluarganya mengetahui di mana beliau ditahan. Sejak mengetahui lokasi, mereka tidak dibenarkan melawatnya.

Keluarga beliau telah melantik empat orang peguam berbeza untuk mewakilinya. Yang pertama telah dipaksa oleh pihak berkuasa untuk meletak jawatan, yang kedua dan ketiga tidak dibenarkan bertemu tertuduh. Peguam keempat akhirnya berhasil dan menemuiinya sebelum perbicaraan pertama bermula.

Peguam ini memfailkan aduan kepada Pendakwaraya Kota Dandong pada Julai 2009 dengan menyatakan bahawa anak guamnya telah diseksa di dalam tahanan dan mohon untuk disoalsiasat. Pada bulan Ogos 2010, pihak pendakwaraya daerah Liaoning merumuskan bahawa aduan terhadap penyeksaan tidak benar.

Semasa perbicaraan, peguambela Leng Guoquan tidak mempunyai kesempatan untuk menyoal saksi utama. Mereka yang telah memberikan keterangan, menarik balik kenyataan awal mereka. Pihak pendakwa tidak menyediakan sebarang bahan bukti menyokong kenyataan saksi yang menyatakan bahawa beliau bersalah.

Semasa rayuannya pada 7 Disember 2010 di Mahkamah Tertinggi Rakyat daerah Liaoning, Leng Guoquan menunjukkan kepada mahkamah kesan calar dikepala, dipergelangan tangan dan kakinya sebagai tanda penyeksaan. Dalam 56 orang saksi yang dipanggil pihak pendakwaraya, hanya tiga orang sahaja yang didengari mahkamah. Pada 6 Mei 2011, mahkamah Liaoning menghantar kes Leng Guoquan untuk dibicara semula kerana “ketidakjelasan fakta” dan kekurangan bukti.” Perbicaraan semula bermula pada 10 Oktober 2011.

“Kemudian, mereka menyalakan salah satu hujung tiub kertas gulung dan memasukkan ke dalam lubang hidung, menutupi mulutnya.”

PENYEKSAAN/
PENDERAAN LAIN

HAK UNTUK BANTUAN
GUAMAN DINAFIKAN

Sekurang-kurangnya 55 jenis kesalahan, termasuk yang bukan bersifat kekerasan seperti kesalahan berkaitan dadah boleh dijatuhkan hukuman mati. Ribuan telah dijatuhkan hukuman setiap tahun – lebih dari semua yang terdapat di seluruh dunia. Namun, jumlah sebenar masih dirahsiakan. Pada tahun 2007, Mahkamah Agung Rakyat berjaya mendapatkan semula kuasa untuk menyemak-ulang terakhir kesemua kes hukuman mati. Ia boleh samada meluluskan penghukuman atau mengembalikannya kepada mahkamah yang lebih rendah untuk perbicaraan ulang. Pihak berkuasa telah melaporkan penurunan mendadak penghukuman, namun laporan ini tidak boleh disahkan. Sekiranya Mahkamah Agung Rakyat meluluskan hukuman mati, penghukuman akan dijalankan dengan segera. Perlembagaan memberikan kuasa eksekutif untuk “pengampunan khas” tetapi tidak ada kaedah untuk seseorang tertuduh itu mendapatkan pengampunan atau diringankan hukuman. Kesemua perbicaraan, termasuk yang menyebabkan hukuman mati, tidak mencakupi standard antarabangsa untuk perbicaraan adil. **CHINA** mempunyai hampir 100 peratus kadar pensabitan untuk kes-kes jenayah.

BERTINDAK SEKARANG

Merayu pihak berkuasa China untuk:

- ★ Menghentikan hukuman terhadap Leng Guoquan dengan apa sahaja cara kehakiman lain atau cara lain.
- ★ Memastikan Leng Guoquan dibicara ulang dengan kaedah yang mematuhi standard antarabangsa perbicaraan adil, terutama hak beliau mendapatkan khidmat nasihat guaman yang mencukupi
- ★ Menyiasat semua dakwaan penyeksaan dan penderaan lain dan memastikan kesemua kenyataan akibat seksaan diketepikan dari perbicaraan semula.
- ★ Menggantung kesemua hukuman dan penggunaan hukuman mati sebagai langkah pemansuhan menyeluruh hukuman mati.
- ★ Menggubal undang-undang dan mengubah polisi dan amalan dalam memastikan perbicaraan adil sejajar dengan standard antarabangsa
- ★ Memastikan mereka yang dihukum mati mempunyai peluang efektif untuk mendapatkan pengampunan atau diringankan hukuman sejajar dengan standard antarabangsa.
- ★ Mengesahkan Perjanjian Antarabangsa PBB untuk Hak Sivill dan Politik.

Menulis kepada:

President of the Liaoning Provincial
Higher People's Court
Liaoningsheng Gaoji Renmin Fayuan
132 Huigongjie, Shenhequ
Shenyangshi 110013
Liaoningsheng
People's Republic of China
Emel: Infy_mygt@chinacourt.org
or lngfjb@126.com

HAKAMADA IWAO JEPUN



HAKAMADA IWAO (Hakamada), lahir pada tahun 1936 ialah bekas peninju, ditahan kepada pembunuhan pada tahun 1966. Beliau telah dijatuhkan hukuman mati pada tahun 1968.

Selepas penahanan beliau, pihak polis telah menyoalsiasat Hakamada selama 23 hari, secara berterusan bermula pada 18 Ogos hingga 9 September 1966. Beliau telah disoalsiasat tanpa henti selama 12 jam purata setiap hari dan terdapat tiga hari beliau telah disoalsiasat lebih dari 14 jam. Beliau “mengaku” selepas hari kedua-puluh dan tiga hari kemudiannya, beliau didakwa. Dalam tempoh ini, beliau menandatangani beberapa dokumen kononnya mengaku melakukan jenayah itu. Hakamada kemudiannya menandatangani beberapa lagi dokumen pengakuan, kali ini dokumen telah disediakan oleh Pendakwaraya Awam.

Hakamada menarik balik kesemua kenyataan ini di dalam perbicaraan, menyatakan yang ketika beliau ditahan, beliau telah dinafikan makanan dan minuman, tidak dibenarkan menggunakan tandas, dan ditendang serta ditumbuk. Di dalam surat yang ditulis kepada kakaknya, beliau menyatakan:

“Salah seorang dari pegawai siasatan telah meletakkan ibujari saya pada bekas dakwat, menghalanya ke bahagian pengakuan bertulis dan mengarahkan saya, “tanda tangan di sini!”, menjerit ke arah saya, sambil menendang dan memulas tangan saya.”

Hakamada hanya dibenarkan tiga temubual dengan peguambela yang berlainan sebelum perbicaraan. Semasa perbicaraan dijalankan oleh Mahkamah Daerah Shizuoka pada tahun 1968, juri hakim menyatakan keresahan mereka terhadap pengakuan Hakamada yang diserahkan oleh pihak pendakwaraya, sebagai tidak dibuat secara rela hati. Untuk kesemua 45 dokumen ini, hanya satu yang dianggap telah ditandatangani secara rela dan selebihnya diisytiharkan sebagai bukti yang tidak boleh diterima pakai. Beliau telah disabit dan dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah Agung pada tahun 1980.

Pada tahun 2007, Kumamoto Norimichi, salah seorang dari tiga hakim di Mahkamah Shizuoka Court yang menjatuhkan hukuman mati pada tahun 1968 berkata, beliau percaya yang Hakamada tidak bersalah:

“Secara objektifnya, bukti untuk menyatakan yang dia melakukan jenayah ini hampir tiada; namun, pegawai yang menyoalsiasat yakin dia bersalah sejak mula lagi, lalu pihak polis pun melakukan penyiasatan menganggap bahawa dia telah melakukan jenayah. Dia telah ditahan dan dipaksa membuat pengakuan kerana polis telah menahannya.”

Kumamoto Norimichi telah dipaksa untuk menjatuhkan hukuman menghukum Hakamada mati meskipun mempercayai yang beliau tidak bersalah: “Saya tidak

“Saya tidak dapat meyakinkan dua orang hakim lain yang Hakamada tidak bersalah, oleh itu saya terpaksa menghukum beliau kerana keputusan telah dibuat oleh majoriti. Secara peribadi, sebenarnya saya terpaksa menulis penghukuman terhadapnya bertentangan dengan rasa hati saya, sesuatu yang terus saya kenangkan sehingga hari ini.”

Kumamoto Norimichi, Hakim Mahkamah Daerah Shizuoka, 2007

PENYEKSAAN/
PENDERAAN LAIN

DINAFIKAN HAK UNTUK
KHIDMAT PEGUAMBELA

sanggup menahan beban rasa hati jadi saya meletakkan jawatan dari menjadi hakim. [...] Saya rasa amat bersalah..”

Peguambela Hakamada merayu untuk perbicaraan semula pada 1981 tetapi permohonan itu telah ditolak oleh Mahkamah Agung pada 1994. Rayuan kedua untuk perbicaraan semula telah diserahkan pada tahun 2008 kepada Mahkamah Daerah Shizuoka; namun ianya masih dijalankan.

Memprotes menyatakan dirinya tidak bersalah selama lebih 45 tahun, Hakamada ialah tahanan hukuman mati paling lama di Jepun. Kesemua tahanan yang dijatuhkan hukuman mati di Jepun diletakkan bersendirian. Selain menerima lawatan sekejap dari kakak, peguambela dan beberapa orang penyokong, Hakamada telah diletakkan di bilik pengasingan selama lebih dari 30 tahun. Keadaan ini telah menyebabkan beliau mengalami kemerosotan mental yang serius.

Sistem kehakiman jenayah **JEPUN** bergantung berat kepada pengakuan secara sistem daiyo kangoku untuk memastikan penghukuman. Sistem membenarkan pihak polis menahan dan menyoalsiasat tertuduh sehingga 23 hari tanpa hak khidmat peguam ketika disoal-siasat. Ketika ini, pengakuan biasanya diterima melalui penyeksaan dan penderaan lain. Jepun mempunyai kadar penghukuman sebanyak 99 peratus. Di Jepun, terdapat 19 kesalahan yang membawa hukuman mati, namun secara amalnya, hanya mereka yang disabitkan membunuh akan dihukum mati. Lebih dari 100 orang sedang menunggu hukuman mati. Di antara tahun 2006 dan 2010, terdapat 37 hukuman. Kesemuanya dilakukan secara rahsia dengan tertuduh hanya diberitahu beberapa jam sebelum hukuman dijalankan dan ahli keluarga mereka hanya diberitahu selepas hukuman dilaksanakan.

BERTINDAK SEKARANG

Merayu kepada Kementerian Keadilan:

- ★ Menghentikan penghukuman terhadap Hakamada Iwao dengan apa sahaja cara kehakiman lain atau cara lain.
- ★ Memastikan Hakamada Iwao dibicara semula dengan standard antarabangsa perbicaraan adil.
- ★ Menyiasat semua dakwaan penyeksaan dan penderaan lain dan penafian hak untuk khidmat nasihat guaman yang efektif.
- ★ Memansuhkan sistem daiyo kangoku atau disejajarkan dengan standard antarabangsa, termasuk memperkenalkan rakaman elektronik dalam semua proses soal-siasat.
- ★ Menggantungkan kesemua hukuman dan penggunaan hukuman mati sebagai langkah pemansuhan menyeluruh hukuman mati.
- ★ Menggubal Kanun Jenayah dan undang-undang lain dan mengubah polisi dan amalan dalam memastikan perbicaraan adil sejajar dengan standard antarabangsa.

Menulis kepada:

Minister of Justice
1-1-1 Kasumigaseki
Chiyoda-ku
Tokyo 100-8977, Japan
Faks +81 3 5511 7200 (via Public
Information & Foreign Liaison Office)

HUMPHREY JEFFERSON EJIKE ELEWEKE INDONESIA



© Private

HUMPHREY JEFFERSON EJIKE ELEWEKE (Jeff), berasal dari Nigeria telah ditangkap kerana kesalahan dadah pada tahun 2003 dan dijatuhkan hukuman mati pada tahun 2004.

Jeff telah ditangkap pada 2 Ogos 2003 di Jakarta kerana memiliki dadah, selepas polis menemui 1.7 kilogram dadah heroin di dalam sebuah bilik yang digunakan oleh salah seorang pekerja di restoran miliknya.

Beliau disabitkan dengan kesalahan-kesalahan berkaitan mengimpot, mengeksport, menjual dan mengedar dadah – kesalahan-kesalahan yang membawa kepada hukuman mati. Walaubagaimanapun, Jeff tidak diberikan hak untuk peguambela ketika dia ditangkap, disoalsiasat atau di dalam tahanan. Beliau ditahan selama lima bulan tanpa diwakili pihak perundangan, melanggar Artikel 14 Perjanjian Antarabangsa PBB untuk Hak Sivil dan Politik serta Akta Prosedur Jenayah Indonesia (yang menjamin hak bantuan guaman dan menghubungi pihak guaman). Indonesia telah menandatangani Perjanjian pada tahun 2006.

Jeff menyatakan yang beliau telah dipukul berulang kali sewaktu disoalsiasat. Beliau berkata, pegawai siasatan mengancam untuk menembaknya jika beliau menolak untuk menandatangani surat pengakuan memiliki dadah heroin atau jika beliau menolak melibatkan orang lain. Rakaman perbincangan pada bulan April 2004 walaubagaimanapun, menunjukkan bahawa Jeff melaporkan dirinya tidak diperlakukan dengan sebarang paksaan.

Penghakiman perbincangan memasukkan kenyataan bahawa “Orang kulit hitam dari Nigeria” dipantau oleh pihak polis kerana mereka disyaki mengedar dadah di Indonesia. Ini telah menaikkan keraguan tentang kesaksamaan proses perbincangan. Perjanjian menuntut bahawa setiap individu diberikan pendengaran umum dan adil oleh tribunal yang bertauliah, bebas dan tidak berpihak. Perjanjian juga meletakkan secara jelas kewajipan negara untuk menghormati dan melindungi hak seseorang “tanpa sebarang perbezaan” termasuklah bangsa, warna kulit, dan kerakyatan atau latarbelakang sosial.

Jeff disabitkan atas memiliki dan menjual dadah oleh Mahkamah Daerah Jakarta Pusat dan dijatuhkan hukuman mati pada bulan April 2004. Pensabitan dan hukuman keatasnya telah dilakukan oleh Mahkamah Tinggi pada bulan Jun 2004 dan Mahkamah Agung pada bulan November tahun yang sama.

Pada bulan November 2004, Charles Kanu, atau nama samarannya Kelly, bekas pemilik restoran Jeff, dilaporkan berkata kepada pihak polis yang beliau merancang agar dadah itu diletakkan di dalam restoran supaya Jeff ditangkap dan disabitkan. Walaupun beliau akhirnya mati di dalam tahanan, beberapa orang telah memberikan keterangan bahawa mereka menjadi saksi yang Charles Kanu telah membuat pengakuan ketika di dalam penjara atas dakwaan dadah. Kenyataan saksi telah menjadi sebahagian daripada permohonan rayuan untuk menyemak kes Jeff kepada Mahkamah Agung, yang kemudiannya ditolak pada bulan September 2007. Dalam tahun yang sama, mahkamah menyatakan bahawa hukuman mati untuk kesalahan dadah adalah sebagai menurut perlembagaan.

“Orang kulit hitam dari Nigeria’ dipantau oleh pihak polis kerana mereka disyaki mengedar dadah di Indonesia.”

Petikan dari perbincangan kehakiman kes Humphrey Jefferson

PENYEKSAAN/
PENDERAAN LAIN

DINAFIKAN HAK UNTUK
KHIDMAT PEGUAMBELA

Jeff kini sedang ditahan di Penjara Nusa Kambangan menunggu penghukuman. Beliau tidak merayu untuk belas ihsan dari Presiden kerana dirinya tidak bersalah dan tidak perlu mendapatkan pengampunan bagi jenayah yang tidak pernah dilakukannya. Indonesia masih belum menjadikan penyeksaan satu kesalahan jenayah di dalam Kanun Jenayahnya.

Di **INDONESIA**, lebih daripada 100 orang sedang menjalani hukuman mati: separuh dari itu dijatuhkan hukuman kerana pengedaran dadah; ramai antaranya warganegara asing. Sepuluh orang telah dihukum mati pada tahun 2008, berbanding 11 hukuman yang dilaporkan dalam dekad terdahulu. Sekurang-kurangnya tujuh orang telah dihukum mati dalam tahun 2010, namun sejak 2008, tiada rekod penghukuman dilaporkan. Dalam bulan Ogos 2010, undang-undang belas ihsan telah dipinda supaya mereka yang dijatuhkan hukuman mati boleh merayu sekali sahaja kepada Presiden, di dalam tempoh setahun keputusan terakhir. Perlembagaan melarang penyeksaan tetapi penyeksaan oleh pihak polis masih berleluasa dan pemaksaan pengakuan sering digunakan di dalam mahkamah. Mereka yang disabitkan atas jenayah yang membawa kepada hukuman mati boleh ditahan sehingga 231 hari sebelum dibicarakan. Terdapat kerisauan serius terhadap rasuah dan kelemahan pihak kehakiman berlaku bebas.

BERTINDAK SEKARANG


Merayu kepada Peguam Negara untuk:

- ★ Menghentikan penghukuman terhadap Humphrey Jefferson dengan apa sahaja cara kehakiman lain atau cara lain.
- ★ Memastikan Humphrey Jefferson dibicara semula dengan prosiding yang mematuhi standard antarabangsa perbicaraan adil.
- ★ Mempastikan penyeksaan sebagai kesalahan jenayah, menyiasat laporan penyeksaan dan penderaan lain dan memastikan kesemua kenyataan yang disebabkan paksaan diketepikan dari perbicaraan semula.
- ★ Menggantung kesemua hukuman dan penggunaan hukuman mati sebagai langkah pemansuhan menyeluruh hukuman mati.
- ★ Menggubal Kanun Jenayah dan undang-undang lain dan mengubah polisi dan amalan dalam memastikan perbicaraan adil sejajar dengan standard antarabangsa.

Menulis kepada:

Attorney General of the
Republic of Indonesia
Jl. Sultan Hasanudin No.1
Kebayoran Baru
Jakarta Selatan 12160
Indonesia
Faks +62 21 725 0213/
+62 21 739 2576

AFTAB BAHADUR PAKISTAN



© Amnesty International

AFTAB BAHADUR telah ditangkap pihak polis di Lahore pada 5 September 1992 bersama seorang lelaki yang didakwa membunuh. Beliau berada di dalam tahanan pihak polis untuk tempoh beberapa bulan tanpa hak mendapatkan peguambela. Orang tertuduh biasanya diletakkan di bawah jagaan pihak polis untuk berminggu-minggu dan kadangkala sehingga setahun sambil menunggu dakwaan disiapkan. Mereka biasanya tidak diberikan peluang mencabar penahanan tidak sah mereka di mahkamah atau membayar wang jaminan.

Bila Aftab Bahadur akhirnya dibawa ke mahkamah pada tahun 1993, beliau mengaku tidak bersalah, menyatakan bahawa pihak polis telah membawanya ke tempat kejadian jenayah dan memaksa dirinya meninggalkan kesan cap jari. Rakan tertuduhnya, Ghulam Mustafa juga menyatakan bahawa dirinya telah diseksa dan dipaksa untuk meninggalkan kesan cap jari. Hakim mencatatkan kenyataan mereka tanpa sebarang maklumbalas.

Aftab Bahadur telah disediakan dengan peguam yang dilantik kerajaan yang mana gagal menunjukkan sebarang bukti atau saksi pembela anak guamnya. Peguam yang dilantik kerajaan di Pakistan kebiasaannya tidak mendapat latihan dan bayaran yang setimpal, dan tidak akan bersungguh-sungguh mewakili anak guam, melainkan pihak tertuduh turut membayar mereka.

Aftab Bahadur telah dibicarakan oleh Mahkamah Khas untuk Perbicaraan Segera Kedua di Lahore pada 13 April 1993, disabitkan kerana membunuh dan dijatuhkan hukuman mati. Mahkamah tersebut beroperasi diantara tahun 1987 dan 1994 dengan bidang-kuasa eksklusif atas beberapa kesalahan yang telah dijadualkan termasuk pembunuhan dan kesalahan politik tidak ganas, di mana hukuman mati boleh diperlakukan. Mahkamah ini berlangsung diluar sistem perundangan biasa, diselia oleh hakim yang sudah bersara dan membenarkan rayuan hanya kepada Mahkamah Rayuan Agung Khas, sekali lagi diluar bidangkuasa Mahkamah Agung biasa. Masa yang terhad dikenakan kepada kes yang dibawa untuk perbicaraan selepas dakwaan difailkan, masa untuk diperdengarkan, dan semasa proses rayuan. Walaupun undang-undang telah menentukan agar mahkamah tersebut dimansuhkan pada tahun 1994, masih ramai yang dipenjarakan hasil perbicaraan di mahkamah tersebut, dan antaranya seperti Aftab Bahadur, yang dijatuhkan hukuman mati.

Aftab Bahadur sekali lagi merayu kepada Mahkamah Rayuan Agung. Sekali lagi peguam yang mewakilinya dilantik oleh kerajaan. Permohonan rayuannya tidak bertarih dan hanya mengandungi empat tuntutan generik di atas sehelai kertas: bahawa pihak pendakwaraya telah gagal membuktikan beliau bersalah melangkau keraguan bersebab; bahawa tidak terdapat bukti sahih yang mencukupi untuk mensabit hukuman; bahawa Aftab Bahadur tidak bersalah; dan bahawa keputusan mahkamah perbicaraan dibuat secara rambang dan berdasarkan kepada spekulasi.

Mahkamah rayuan mengesahkan pensabitan dan hukuman pada 27 March 1994. Sebuah petisyen perikemanusiaan telah difailkan oleh Aftab Bahadur kepada Presiden pada tahun 2010. Beliau ditahan di penjara Lahore.

“Pihak polis menyeksa saya dan selepas melumur tangan saya dengan minyak, meletakkannya disekeliling kamar dan kesan jari akhirnya didapati.”

Aftab Bahadur

PENYEKSAAN/
PENDERAAN LAIN

MAHKAMAH KHAS

Mahkamah-mahkamah di **PAKISTAN** menghukum sejumlah besar orang tertuduh, termasuk tertuduh juvenil, dengan hukuman mati, meskipun Presiden telah berjanji pada tahun 2008 yang kesemua kes hukuman mati diringkankan hukuman. Lebih daripada 8000 tahanan telah disabitkan dengan hukuman mati; ramai yang telah ditahan bertahun lama. Hukuman mati ialah kaedah yang seringkali dilaksanakan untuk jenayah bunuh, namun, ia juga boleh dilaksanakan kepada hampir 30 jenis kesalahan lain termasuklah perbuatan yang tidak membawa kepada kematian yang tidak tercakup dalam “jenayah-jenayah paling berat” seperti yang dijelaskan Perjanjian Antarabangsa PBB untuk Hak Sivil dan Politik. Mahkamah anti-terorisme beroperasi diluar sistem kehakiman biasa dengan kuasa yang lebih besar diberikan kepada pihak polis dan badan keselamatan lain. Masalah sistemik yang wujud di dalam sistem kehakiman termasuklah rasuah, kelemahan kehakiman bebas dan diskriminasi.

BERTINDAK SEKARANG

Merayu Presiden untuk:

- ★ Menghentikan hukuman ke atas Aftab Bahadur dengan apa sahaja cara kehakiman lain atau cara lain.
- ★ Menyiasat semua dakwaan penyeksaan dan penderaan lain dan memastikan semua kenyataan dan bukti lain hasil p aksaan diketepikan dari perbicaraan semula.
- ★ Memastikan Aftab Bahadur di bicara semula oleh mahkamah biasa dengan prosiding yang mematuhi standard antarabangsa perbicaraan adil.
- ★ Menggantung kesemua hukuman dan penggunaan hukuman mati sebagai langkah pemansuhan menyeluruh hukuman mati.
- ★ Mematuhi sepenuhnya kewajipan di dalam Perjanjian Antarabangsa PBB untuk Hak Sivil dan Politik dan menggubal undang-undang dan mengubah polisi dan amalan dalam memastikan perbicaraan adil sejajar dengan standard antarabangsa.

Menulis kepada:
President of Pakistan
Pakistan Secretariat
Islamabad
Pakistan
Faks: +92 5 192 04974

****This updates *When Justice Fails, Thousands executed after unfair trials*, ASA 01/023/2011, and the individual appeal case on China, Leng Guoquan ****

On 23 November 2011 following a re-trial in the case of Leng Guoquan, the Dandong City Intermediate Court sentenced Leng Guoquan to life imprisonment.

Chinese (Simplified)

最新情况

2011 年 11 月 23 日，丹东市中级人民法院在重审冷国权案后判处他无期徒刑。。

Japanese

アップデート

2011 年 11 月 23 日、冷国権の事件の下記の再審が、丹東市の中級法院で行われ、彼に終身刑が言い渡された。

Urdu

تازہ ترین

تیس نومبر 2011 کو دوبارہ سماعت کے بعد لینگ گوکوان کو ڈینگٹونگ سٹی انٹرمیڈیٹ کورٹ نے عمر قید کی سزا سنائی ہے۔

Filipino/Tagalog

Bagong Kaganapan

Sa ika-23 ng Nobyembre 2011 pagkatapos ng muling paglilitis sa kaso ni Leng Guoquan, hinatulan siya ng habambuhay na pagkabilanggo ng Intermediate na Korte ng Syudad ng Dandong.

Mongolian

Сүүлийн үеийн мэдээ

2011 оны 11 дүгээр сарын 23-нд Дандонг Хотын Дунд шатны шүүхээс Ленг Гуокангийн хэргийг дахин хэлэлцэж бүх насаар нь хорих ял оноожээ.

Thai

สถานการณ์ล่าสุด

ในวันที่ 23 พฤศจิกายน 2554 ได้มีการพิจารณาตัดสินคดีอีกครั้งสำหรับคดีของ *Leng Guoquan* และศาลชั้นกลางของเมืองดำนดงได้พิพากษาจำคุกเขาตลอดชีวิต

Indonesian

Kabar terbaru

Pada 23 November 2011 ,menyusul pengadilan ulang dalam kasus Leng Guoquan, Pengadilan Menengah Kota Dandong menjatuhinya hukuman penjara seumur hidup.

Hindi

अपडेट

लेंग गुओगुआन के मुकदमें में सुनवाई के बाद 23 नवम्बर 2011 को, डैंगडॉंग सिटी इंटरमिडियेट कोर्ट ने उन्हें आजीवन कारावास की सजा सुनाई है ।

Malay

Berita Terkini

Pada 23 November 2011 selepas perbicaraan semula kes Leng Guoquan, Mahkamah Perantara Bandar Dandong telah menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup ke atas beliau.

Korean

업데이트

2011 년 11 월 23 일, 단둥시 중급인민법원은 령 구오관 사건의 재심에서 종신형을 선고했다.